

Bersatu mendepani cabaran



Bersama
**Dr Mohamed
Nashrudin
Naharudin**



ahun 2024 memperingati ulang tahun ke-61 pembentukan Malaysia. Menyorot kembali setiap jendela zaman bagaimana negara ini berevolusi, seharusnya semakin kuat rasa kecintaan pada tanah air ini dan sewajarnya perlu semakin bijak untuk semua kita menilai baik buruk tindakan sebagai rakyat bertanggungjawab yang mahukan negara ini kompeten serta progresif.

Cabaran Malaysia semakin kompleks, terutama dalam menghadapi ketegangan dan konflik kuasa besar dunia yang belum pernah dihadapi.

Perpaduan syarat asas yang utama. Jika berjaya perpaduan ini maka berjaya kita menjadi sebuah negara kaya, berdaulat, disegani dan tersendiri.

Sebaliknya jika gagal perpaduan ini disebabkan oleh permainan politik tak berkesudahan, tersungkur kita semua ke lembah yang amat sukar untuk bangkit kembali.

Untuk kekal perpaduan, ada beberapa dasar yang setiap satu daripada kita wajib fahami dan tetap bersama-sama kerajaan.

Konteks geopolitik global

Beberapa tahun kebelakangan ini, dunia menyaksikan perubahan besar dalam landskap geopolitik. Ketegangan antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia mempengaruhi banyak aspek hubungan antarabangsa termasuk perdagangan, keselamatan dan diplomasi.

Perubahan dasar luar negara kuasa besar boleh menjejaskan ekonomi Malaysia terutama dalam sektor perdagangan dan pelaburan asing.

Malaysia sangat bergantung kepada perdagangan luar negara terutama eksport minyak sawit, elektronik dan produk perkilangan. Ketegangan perdagangan antara kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat boleh menjejaskan pasaran global dan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi. Malaysia perlu berstrategi dengan bijak menangani kesan daripada ketegangan ini dengan memastikan diversifikasi pasaran eksport serta mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber pasaran atau rantaian bekalan tertentu.

Ini terlihat daripada dasar keputusan kerajaan yang membuka seluas-luasnya pintu perdagangan tidak kira dari proksi dunia mana sekalipun. Permohonan menyertai negara BRICS sebagai contoh, adalah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap dolar Amerika di samping meluaskan potensi pelaburan ke dalam negara terutama untuk menjadikan Malaysia hab semikonduktor baharu di dunia.

Strategi diplomatik dan keselamatan

Dalam menghadapi ketegangan antarabangsa, Malaysia perlu menerapkan strategi diplomatik yang cermat. Sebagai negara yang mengamalkan dasar luar yang bebas dan aktif, Malaysia perlu memanfaatkan kedudukan ini untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antara negara dengan memastikan hubungan yang baik dengan semua kuasa besar tidak kira Amerika, China atau Rusia. Mengekalkan keberkecualian untuk tidak terlibat dalam konflik negara gergasi ini adalah cabaran besar, tetapi juga peluang Malaysia memanfaatkan kedudukannya di Asia Tenggara.

Kekuatan pemimpin Malaysia yang berkemahiran dalam membuat rundingan dengan kuasa besar wajar disokong seluruh rakyat.

Malaysia juga berhadapan dengan cabaran dalam hal keselamatan maritim terutama di kawasan Laut China Selatan apabila terdapat tuntutan

bertindih antara beberapa negara. Pengukuhan pertahanan maritim dan kerjasama dengan negara jiran penting untuk memastikan kestabilan dan keselamatan perairan kita. Rundingan dengan Kerajaan China tanpa menjejaskan kedaulatan dan hak negara wajar menjadi asas penyelesaian.

Kesan sosial dan ekonomi terhadap rakyat

Malaysia menghadapi cabaran besar dalam menangani isu 3R iaitu kaum, agama dan raja yang sering menjadi sumber ketegangan serta perpecahan dalam masyarakat pelbagai etnik dan budaya. Untuk memelihara keharmonian dan kestabilan, Malaysia perlu mengutamakan dialog terbuka dan inklusif, memperkukuh pendidikan mengenai toleransi dan saling menghormati serta memastikan dasar yang dilaksanakan adil dan mengutamakan kepentingan bersama. Pendekatan yang bijaksana dan peka terhadap sensitiviti ini adalah kunci untuk memastikan kemajuan dan keamanan negara dalam menghadapi cabaran 3R.

Ketegangan domestik, ditambah ketidakstabilan ekonomi global boleh memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat Malaysia. Dalam memaknai Hari Malaysia 2024, adalah penting untuk memberi tumpuan kepada toleransi sesama kaum di samping strategi yang memerlukan sokongan kepada golongan terpinggir dan memperkukuh jaringan

keselamatan sosial untuk mengurangkan kesan daripada ketidakstabilan global.

Menyemai semangat perpaduan dan ketahanan

Menghadapi cabaran ini memerlukan semangat perpaduan dan ketahanan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam menghadapi tekanan global, penting untuk rakyat Malaysia terus bersatu, menyokong dasar kerajaan yang mempromosikan kestabilan dan keamanan serta memanfaatkan kepelbagaian budaya sebagai kekuatan untuk mengatasi cabaran.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam mempersiapkan generasi masa depan untuk menghadapi dunia yang semakin kompleks. Pendidikan geopolitik, ekonomi global dan diplomasi boleh membantu rakyat Malaysia memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan di peringkat antarabangsa.

Kesimpulan

Hari Malaysia 2024 bukan sahaja satu perayaan sejarah dan kemajuan, tetapi juga satu peringatan mengenai cabaran dihadapi Malaysia dalam konteks geopolitik global yang sedang berubah. Semoga semangat perpaduan dan ketahanan yang dipupuk pada Hari Malaysia 2024 akan terus membimbing kita menuju masa depan yang lebih stabil dan makmur.

**Penulis Pensyarah Kanan
Universiti Malaya**

Dalam menghadapi tekanan global, penting untuk rakyat Malaysia terus bersatu, menyokong dasar kerajaan yang mempromosi kestabilan dan keamanan serta memanfaatkan kepelbagaian budaya

dialog kotaraya oleh juragan

